

2Ruj. Kami : PTM 369/11/2021/17()
Ruj. Tuan : AHM/AB/CV/02/2020

NOTIS LELONGAN AWAM KALI KEDUA
(Seksyen 265 Kanun Tanah Negara 1965)

Adalah diberitahu bahawa tanah yang memakai Gadaian No. Perserahan : 1776/2016 Jilid : Folio :

Di antara : NORIZAN BINTI HUSSIN, (NO. K/P : 660501 [REDACTED])
LOT 2553 KAMPUNG KEPAS,
18500 MACHANG,
KELANTAN.

Dengan : BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD
LOT 219 & 220, JALAN HOSPITAL,
17500 TANAH MERAH,
KELANTAN.

Telah dilelong kali pertama pada hari ISNIN, 1 NOVEMBER 2022 (1/11/2022) di Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang Kelantan dengan harga rizab RM 90,000.00 tetapi tiada sebarang tangkapan lelong bagi jualan tersebut. Oleh itu, lelongan awam kali kedua akan diadakan pada :

TARIKH : 10 JANUARI 2024 (10/01/2024)
HARI : RABU
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : RUANG LEGAR PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN MACHANG

Nota : Bakal pembeli/pembida yang berminat adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi atau cabutan di Pejabat Tanah ini dan memeriksa hartanah tersebut sebelum menangkap lelong.

BUTIRAN HAKMILIK :

NO. HAKMILIK : GM 5600
NO. LOT / PT : LOT 16427
MUKIM : MACHANG
DAERAH : ULU SAT
KELUASAN TANAH : 657 METER PERSEGI
CUKAI TANAH : RM 14.00
KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN
SYARAT NYATA : BANGUNAN KEDIAMAN
LOKASI : KAMPUNG KEPAS
PEMILIK BERDAFTAR : NORIZAN BINTI HUSSIN


HARGA RIZAB : RM 90,000.00

SYARAT-SYARAT PERLELONGAN :

1. Perlelongan ini **hanya** terbuka kepada orang-orang melayu Peranakan Kelantan/Peranakan Kelantan* mengikut takrif Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 atau orang-orang yang telah mendapat Sijil Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.
2. Semua penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki mendaftarkan namanya serta menyerahkan **deposit 10%** dari Harga Rizab yang ditetapkan dalam bentuk **Bank Draft** atas nama **BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD** sebelum **Jam 10.00 pagi** pada hari lelongan dijalankan.
3. Penawar yang berjaya **bolehlah** membayar jumlah penuh harga belian itu serta merta selepas perlelongan dibuat kepada pemegang gadaian.
4. Jika jumlah penuh harga belian tersebut tidak dibayar selepas perlelongan dibuat oleh penawar yang berjaya, maka penawar tersebut hendaklah :
 - (i) *Membayar jumlah 10% dari harga rizab tersebut sebagaimana di para (2) notis ini, kepada pemegang gadaian dan jumlah itu hendaklah dipegang oleh pemegang gadaian sebagai deposit sehingga jumlah keseluruhan belian dijelaskan.*
 - (ii) *Sementara menunggu penyelesaian 90% baki harga belian itu, jumlah 10% tersebut hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah terhutang kepada pemegang gadai.*
5. Baki **90%** dari harga belian tersebut hendaklah dijelaskan dalam satu tarikh yang **tidak lewat dari 120 hari** dari tarikh jualan tersebut dan **tidak boleh dilanjutkan lagi dari tempoh tersebut.**
6. Jika jumlah keseluruhan harga belian itu gagal dijelaskan dalam tempoh **120 hari** tersebut, maka wang **deposit 10%** yang dibayar dibawah Para (4) (i) ini kepada pemegang gadaian akan dirampas mengikut Seksyen 267A KTN 1965 dan diagihkan oleh pemegang gadaian mengikut peruntukan Seksyen 268 KTN 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

*Bandar/Pekan Mukim	No. *Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar *Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian
MACHANG	LOT 16427	GM 5600	Semua	Tiada	No. Per. 1776/2016



PERINGATAN PENTING :

1. Pemegang gadaian **hendaklah** menyerahkan kepada Pentadbir Tanah, **tidak kurang dari tujuh (7) hari** sebelum tarikh lelongan ini, dokumen-dokumen berikut adalah :
 - (a) *Pendua Gadaian*
 - (b) *Dokumen Hakmilik Keluaran (Geran) jika dalam simpanan*
 - (c) *Pendua pajakan, jika dalam kes berkenaan*

Kegagalan menyerahkan dokumen-dokumen diatas akan membolehkan Pentadbir Tanah menangguhkan lelongan ini di bawah Seksyen 264 (3) KTN 1965.

2. Sebelum perlelongan ini dijalankan dengan muktamad tuan tanah/penggadai bolehlah pada bila-bila masa membuat bayaran yang mungkir didalam Surat Gadaian itu dan perlelongan ini akan ditarik balik.
3. Jika tidak ada penawaran dibuat didalam perlelongan ini pada atau lebih dari harga rizab, perlelongan ini akan ditarik balik dan dirujuk ke Mahkamah Tinggi yang mana Sijil Rujukan akan dikeluarkan.
4. Pentadbir Tanah boleh menangguhkan perlelongan ini dari semasa ke semasa jika ianya difikirkan mustahak untuk berbuat demikian.
5. Penawar berminat dinasihatkan membuat carian rasmi atau cabutan di Pejabat Tanah ini sebelum menangkan lelong ini.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

**Tetuan,
ADLIZAN HATMAN & MAIZAL**
Peguambela & Peguamcara,
PT 3212, Lorong SRJK Pei Hwa,
18500 Machang,
Kelantan.

**Tuan Pengurus,
BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD**
Jalan Padang Garong,
Seksyen 12,
15000 Kota Bharu,
Kelantan.

[Tel : 09 9752323]

Bertarikh pada 27 NOVEMBER 2023



(WAN AHMAD SHAZRUL BIN WAN ABDUL RAHIM)
Penolong Pentadbir Tanah Jajahan Machang

